

profil



**Muhamad Ashraf Haiqal**  
**Muhamad Rizal**

- Tarikh Lahir: 11 Jun 1994
- Tempat Lahir: Hospital Segamat
- Sekolah: Sekolah Kebangsaan Haji Nyak Gam, Sekolah Sukan Bukit Jalil
- Pencapaian Sukan:
  - MSSM (Johan)
  - SUKMA (Johan)
  - Remaja Malaysia (Johan)
  - Sukan IPT (Johan)
  - Sukan Sea (Gangsa)
  - World Championship (separuh akhir)
  - Komanwel Games (Suku Akhir)
  - South East Asia Table Tennis (Gangsa)

# Sukan pingpong perlu ketangkasan luar biasa

➔ Muhammad Ashraf minat sukan pingpong sejak di sekolah rendah

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak  
meor.ahmad@bh.com.my

► Bangi

**A**tlet sukan pingpong yang mewakili negara dalam Sukan Komanwel 2018 di Gold Coast, Australia, Muhammad Ashraf Haiqal Muhamad Rizal, 24, dinobatkan sebagai Olahragawan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada Majlis Anugerah Sukan UKM kali ke-28, baru-baru ini.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sukan dan Rekreasi, Fakulti Pendidikan itu, berkata pencapaian itu banyak didorong oleh keluarga terutama bapanya yang dijadikan sebagai idola dalam sukan itu.

Muhammad Ashraf berkata, beliau aktif dalam sukan pingpong sejak berusia sembilan tahun selepas kerap mengikut bapanya bermain sukan berkenaan.

Katanya, pingpong satu sukan yang agak mencabar kerana memerlukan kemahiran, ketangkasan dan tumpuan penuh ketika bermain.

"Keadaan itu, menyebabkan saya turut membabitkan diri dalam sukan olahraga ketika berada di sekolah rendah. Sukan olahraga melatih saya untuk bergerak lebih pantas seperti yang diperlukan



**Muhammad Ashraf** menerima piala dan replika cek selepas dipilih Olahragawan UKM Pelajar 2018.

untuk atlet sukan pingpong. "Seawal Tahun Enam, saya sudah menyertai pelbagai kejohanan dan pertandingan termasuk pada peringkat kebangsaan sehingga berusia 13 tahun.

**Pamer bakat**

"Saya juga dipanggil oleh Persatuan Pingpong Malaysia untuk menyertai skuad junior dan paling mengembirakan apabila saya turut ditawarkan masuk ke Sekolah Sukan Bukit Jalil," katanya ketika ditemui *BH Varsiti*, baru-baru ini.

Kejayaan beliau dalam menempatkan diri ke Sukan Komanwel adalah satu kelebihan bagi dirinya untuk mempamerkan bakat dalam sukan berkenaan.

Beliau berharap lebih ramai bakat

baharu pada peringkat universiti dapat dikenal pasti dan diangkat sebagai atlet yang mampu mewakili negara ke kejohanan bertaraf dunia.

"Dua minggu sebelum pertandingan saya akan berlatih pada Isnin hingga Sabtu iaitu pada pagi dan petang bagi memastikan saya bersedia dari segi mental dan fizikal.

"Saya juga akan membahagikan masa dengan baik antara sukan dengan pelajaran bagi memastikan minat dalam sukan ini tidak mengganggu pengajian," katanya.

Justeru, beliau berharap semua pihak terbabit dapat melihat sukan pingpong dengan lebih meluas kerana sukan ini mampu mengharumkan nama negara di pentas dunia seperti yang dicapai dalam Sukan Komanwel 2018.